



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 14 /2000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBAYARAN BONUS

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/2000 mengenai dengan perkiraan pembayaran bonus yang baru adalah dengan ini dibatalkan.

Sehubungan dengan pembatalan ini, perkiraan kadar pembayaran bonus seperti yang terkandung dalam Surat-surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/1984, 24/1988 dan 7/1992 adalah dengan ini terus dikekalkan sehingga kepada satu perubahan nanti.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (14)JPM/SK/2000
Tarikh : 04 Syaaban 1421
01 November 2000